UMP dan Pahang FM
dekati masyarakat di Bukit Fraser

Lebih 60 mahasiswa berserta warga kerja Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Radio Televisyen Malaysia (RTM) Pahang turun padang dalam Program Kembara Pahang FM bersama UMP di Bukit Fraser pada 9 Mac 2014 yang lalu.

Program Kembara Pahang.Fm bersama UMP ini merupakan program kerjasama mendekati masyarakat dengan melakukan pelbagai aktiviti sepanjang berkampung di sana. Ianya merupakan program kerjasama yang keempat yang diadakan bersama Pahang.Fm dan pertama kalinya diadakan bersama pihak Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser sempena menyambut Tahun Melawat Malaysia pada tahun ini. Program dimulakan dengan ceramah agama yang disampaikan oleh Ustaz As - Sayyid Faez Al–Aydrus dengan tajuk `Akidah Landasan Ke Syurga'.

Pelbagai aktiviti menarik dijalankan antaranya mini golf, memanah dan sukan rakyat. Sempena program ini juga diadakan kem motivasi untuk pelajar-pelajar sekolah, pertandingan melukis dan pelbagai lagi. Masyarakat setempat juga dihiburkan dengan persembahan Kombo RTM Pahang dengan menampilkan penyanyi Haziq dan Haiza.

Majlis penutup telah disempurnakan oleh Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UMP yang turut melancarkan arca tanda UMP di Bukit Fraser.

Menurut Profesor Dato' Dr. Yuserrie, pelaksanaan program ini adalah manifestasi komitmen UMP untuk memasyarakatkan kewujudannya sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam agar kewujudannya dirasai, kehadirannya dapat dilihat dan suaranya didengari masyarakat.

Program kali ini juga mensasarkan empat segmen komuniti utama iaitu kanak-kanak, remaja, masyarakat dan pendidikan dengan mendukung tiga objektif utama iaitu memasyarakatkan kampus dengan menjalankan pelbagai aktiviti yang memberi nilai tambah kepada komuniti, menyuburkan hubungan yang harmoni antara UMP dengan media dan masyarakat melalui perkongsian pintar dengan mempromosikan jenama UMP sebagai sebuah Universiti Teknologi Pilihan Utama.

Lebih menarik, program kali ini juga melibatkan tiga pelajar dari Jerman yang mengikuti program pertukaran pelajar selama satu semester di Fakulti Teknologi. Turut hadir L. Nalini, wakil Pengurus Besar Perbadanan Bukit Fraser dan Nasrul Hakim Md Noh, Timbalan Pengarah Jabatan Penyiaran Pahang.